

# Jumlah had pegangan ASB naik kepada RM300,000

## Tawaran bantu tingkat pegangan, ekuiti Bumiputera

**Kuala Lumpur:** Jumlah had pegangan Amanah Saham Bumiputera (ASB dan ASB2) dinaikkan kepada RM300,000 berbanding RM200,000 sebelum ini.

Susulan itu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata Bank Simpanan Nasional (BSN) akan menyediakan dana pinjaman mudah untuk membantu B40 Bumiputera melabur dalam ASB dengan tawaran pinjaman pada kadar 1.5 peratus membatik dana RM100,000.

“Tawaran itu dibuat bagi meningkatkan pegangan dan ekuiti golongan Bumiputera dalam ASB,” katanya.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, bagi merencanakan lagi aktiviti perniagaan, Inisiatif SemarakNiaga 2023 ditambah baik dengan nilai peruntukan sebanyak RM45 bilion berbanding RM40 bilion yang diperuntukkan pada 2022.

Beliau berkata, nilai ini merangkumi pinjaman langsung, pembiayaan alternatif dan jaminan pembiayaan.

Katanya, pada tahun depan, sejumlah RM1.7 bilion daripadanya tersedia sebagai dana pinjaman



Dana pinjaman mudah dapat membantu B40 Bumiputera melabur dalam Amanah Saham Bumiputera. (Foto hiasan)

**BAJET**  
**2023**

mikro dan kemudahan perniagaan untuk manfaat peniaga kecil.

“Antaranya termasuk pinjaman Mikro BSN dengan ketersediaan dana RM950 juta. Ini termasuk RM350 juta untuk Skim Penjaja Kecil Keluarga Malaysia dengan RM150 juta dikhususkan

untuk peniaga Bumiputera,” katanya.

Tengku Zafrul berkata, skim pinjaman pengusaha kecil di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) khusus untuk Bumiputera, wanita, belia dan sektor tidak formal akan diperuntukkan dengan dana sebanyak RM300 juta.

### Kemudahan pinjaman

Katanya, selain itu, kemudahan pinjaman perniagaan khusus kepada kaum Cina dengan dana RM200 juta akan disediakan berserta kadar faedah serendah em-

pat peratus.

“Kemudahan pinjaman mikro di bawah Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) disediakan dana RM25 juta. Selain itu, RM100 juta juga disediakan di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA),” katanya.

Beliau berkata, di bawah program kewangan social iTEKAD, kerajaan menyediakan bantuan sebanyak RM10 juta yang turut dipadankan bersama dengan dana institusi kewangan menerusi sumbangan zakat dan wakaf tunai.

## RM500 juta bantu pemain industri pelancongan

**Kerajaan** akan melaksanakan inisiatif Pembiayaan Pelancongan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan dana RM500 juta bagi membantu pengusaha industri pelancongan.

Inisiatif itu membolehkan had pembiayaan maksimum dipertingkatkan daripada RM300,000 kepada RM500,000 kepada penggiat sektor berkenaan.

Selain itu, kerajaan turut memberikan pengecualian cukai 100 peratus ke atas pendapatan berkanun bagi pengendali pelancongan, bergantung pada jumlah pelancong dikendalikan mereka.

Kerajaan juga beri pengecualian duti eksais 50 peratus ke atas pembelian kenderaan pelancongan pemasangan tempatan (CKD) bagi kegunaan kereta sewa dan pandu serta bas persiaran.

Turut diberikan adalah elaun Pelaburan Semula bagi projek perhotelan dan pelancongan terpilih diperkenalkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sementara itu, kerajaan menyasarkan ketibaan pelancong asing lebih 15 juta orang dengan nilai pendapatan sebanyak RM47.6 bilion pada 2023.

Selain itu, bagi memperkukuhkan pemulihan sektor pelancongan, sebanyak RM200 juta disediakan untuk galakan, promosi dan pemasaran.

Bagi menggalakkan Keluarga Malaysia melancong dalam negara, kerajaan turut memperuntukkan RM25 juta bagi menyediakan insentif kepada rakyat dalam bentuk diskaun, bawcar dan rebat bagi penginapan, pakej pelancongan, kraf tangan dan karya seni sehingga RM100.